

28 JAN 1997

Mahathir-Laporan

MAHATHIR TERIMA LAPORAN KES PENYELUDUPAN BALAK DI SABAH

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima laporan Jawatankuasa Kabinet negeri Sabah yang ditubuhkan untuk menyiasat isu dakwaan penyeludupan balak di Tawau minggu lepas.

Laporan jawatankuasa itu diserahkan kepada Dr Mahathir oleh delegasi negeri yang diketuai oleh Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee di Jabatan Perdana Menteri.

Yong juga menyampaikan laporan yang sama kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Delegasi Yong termasuk Timbalan Ketua Menteri Datuk Ghapur Salleh, yang juga pengerusi jawatankuasa itu.

Yang turut menganggotai jawatankuasa itu ialah Menteri Pertanian dan Perikanan negeri, Datuk Pandikar Amin Mulia; Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Maizan Shaari; Peguam Besar negeri, Datuk Stephen Foo; Setiausaha Hasil Bumi, Datuk William Shim; wakil Lembaga Industri Perakayuan Malaysia (MTIB); Jabatan Perhutanan; dan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia.

Ghapur berkata semalam laporan itu mengandungi perakuan kepada soal mengatasi sebarang kelemahan dalam prosedur terbabit.

Ia dibuat berdasarkan dokumen-dokumen yang ada, kata beliau, dan menambah kata Perdana Menteri akan dimaklumkan mengenai kejadian yang terbabit.

Ghapur juga berkata mungkin pihak tertinggi akan membuat keputusan berhubung kedudukan kuasa Jabatan Perhutanan Negeri berdasarkan kepada laporan itu.

Jawatankuasa itu ditubuhkan selepas Anwar mengarahkan kerajaan negeri pada 20 Jan lepas menyiasat penahanan kapal "MV Able Helmsmen" yang didaftar di Pelabuhan Klang oleh Jabatan Perhutanan ketika memuat balak di Tawau yang dipercayai hendak dibawa ke Jepun pada 18 Jan lepas.

Isu penyeludupan balak itu menjadi hangat apabila Ghapur dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik masing-masing memberi penjelasan bercanggah mengenai laporan berlakunya penyeludupan balak di Sabah.

Ghapur mendakwa MTIB, sebuah agensi di bawah Kementerian Perusahaan Utama, tahu mengenai kemasukan balak Indonesia secara haram ke Sabah serta penebangan balak negeri itu sendiri untuk diseludup keluar.

Manakala, Lim pula mendakwa kementeriannya tidak pernah mengeluarkan permit untuk mengeksport balak tetapi hanya memberi kelulusan sementara kepada empat buah syarikat untuk tempoh antara Oktober dan Disember tahun lepas.

-- BERNAMA

ES AHH